

# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS: 2 DISEMBER 2010**

CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
JAWAB LIS AN YANG TID AK DAP AT DI JAWAB DIDALAM  
DEWAN (SOALAN NO. 9 HINGGA 37)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8**

**[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARI PAD A  
TARIKH  
SOALAN**

**JAWAB LISAN**

**DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN [BESUT]**

**2 DISEMBER 2010 (KHAMIS)**

**Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan sejauh manakah perkembangan dan  
kemajuan Projek Empangan Paya Peda, Besut  
yang bernilai RM 333 juta yang dijangka siap pada  
tahun**

**2013.**

**JAWAPAN**

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**

**ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Projek Empangan Paya Peda telah dimulakan pada 1 Jun 2010 dan dijangka siap pada 30 November 2013 iaitu selama 42 bulan. Kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja pembinaan ini ialah Jaks Resources Berhad & Pembinaan Sujaman Sdn. Bhd. - JV.

Projek Empangan Paya Peda dibina dengan tujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan bekalan air kepada Skim Pengairan Padi Besut. Sekaligus ianya akan berfungsi sebagai sebuah pusat penyimpanan dan takungan air yang terbesar di daerah Besut bagi kegunaan tanaman padi terutamanya di musim kemarau.

Empangan ini mengandungi beberapa komponen struktur seperti Empangan Utama (*Main Dam*), Empangan Pelana (*Saddle Dam*), Alur Limpah (*Spillway*), Struktur Alir Keluar (*Outlet Structure*), Lencongan Sungai (*River Diversion Arrangement*) dan Jalan Masuk (*Access Road*). Keseluruhan empangan ini akan

mengandungi ciri-ciri yang lengkap untuk tujuan operasi yang baik serta mengutamakan keselamatan. Dalam pakej ini *Angga Barrage* dan juga taliair utamanya akan dinaiktaraf untuk menampung jumlah air yang lebih banyak. Manakala air dari *Barrage* ini akan sampai ke disalurkan ke sawah padi secara graviti.

Empangan ini terletak 1.5 km di hulu *Angga Barrage* dan 17 km dari Bandar Jerteh. Empangan ini akan berada di cabang Sungai Angga dan Sungai Pedda. Apabila siap nanti, seluas 1100 hektar akan menjadi kawasan tadahan/takungan. Kawasan ini terdiri dari kawasan hutan sekunder jenis dataran rendah.

Adalah dijangkakan empangan ini mampu mengumpul dan menakung air dalam kawasan seluas 65 ha. Jumlah kuantiti air yang bakal ditakung nanti adalah sebanyak 168 juta meter padu air secara penuh dan sebanyak 165 juta meter padu secara biasa (efektif). Air ini cukup untuk bekalan pengairan seluas 5,174 ha di jelapang padi Besut.

Pada keseluruhannya, projek ini sedang dalam pelaksanaan kerja-kerja awalan dan kemajuan kerja di tapak adalah mengikut jadual.

Soalan No : 10

#### **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**  
**(PADANG TERAP)**

**TARIKH : 02.12.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [ PADANG TERAP ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan status peruntukan pembangunan sebanyak RM1 juta bagi

Sekolah Menengah Agama Yan Kedah oleh Menteri Pelajaran pada tahun 2009.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi keutamaan dan memandang serius aspek-aspek yang menyentuh pembangunan infrastruktur di seluruh negara. Komitmen yang diberikan termasuklah untuk sekolah-sekolah menengah agama di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Langkah tersebut adalah untuk memastikan semua rakyat di negara ini, tanpa mengira kaum, agama dan iokasi diberi hak yang sepatutnya untuk mereka. Usaha yang dilakukan ini selaras dengan gagasan negara: **1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan Sekolah Menengah Agama Yan, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah (ICU) telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM1 juta. Projek pembangunan tersebut dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2011.

Rjm 104

*NO\* 11*

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN PEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN :** JAWAB LISAN  
**DARIPADA :** DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL  
TOYAD [MUKAH]  
**TARIKH :** 2 DISEMBER 2010 (KHAMIS)  
**SOALAN :** NO. 11

**Dato' Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan lulusan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam Jurusan *Accountancy* (Jurusan Kewangan) pada tahun 2009.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluaran graduan jurusan Perakaunan di IPTA pada tahun 2009 adalah seramai 7,765 orang. Dari jumlah tersebut, seramai 4,651 merupakan lulusan diploma, 2,796 lulusan sarjana muda, 122 lulusan sarjana, 6 orang lulusan PhD dan 190 orang lulusan program profesional.**







PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**                    **LISAN**  
**DARI PAD A**                    **Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE**  
   **(MAS GADING)**  
**TARIKH**                            **02.12.2010**

**SOALAN:**

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [ MAS GADING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bolehkah Kementerian memberi kelonggaran agar pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dapat diteruskan di sekolah-sekolah tertentu mengikut permintaan PIBG sekolah tersebut khasnya di sekolah-sekolah di mana kebanyakan atau semua pelajar di sekolah tersebut bukan berketurunan Melayu dan bahasa ibunda mereka bukan Bahasa Melayu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) adalah muktamad. Walau bagaimanapun, pihak sekolah masih diberi kelonggaran menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) mata pelajaran sains dan matematik mengikut mekanisme soft landing yang ditetapkan seperti berikut;

- i.        k§dua-dua mata pelajaran tersebut diajar dalam dwibahasa mulai tahun 2010 di sekolah rendah dan sekolah menengah
- ii.      P&P sains dan matematik bagi Tahun 4 pada tahun 2012, 2013 dan 2014, Tahun 5 pada tahun 2013, 2014 dan 2015 dan Tahun 6 pada tahun

2014, 2015 dan 2016 akan dilaksanakan dalam dwibahasa. Sehubungan itu, peperiksaan sains dan matematik UPSR akan terus dilaksanakan dalam dwibahasa sehingga tahun 2016.

- iii. P&P sains dan matematik bagi Tingkatan 4 pada tahun 2012, 2013 dan 2014, dan Tingkatan 5 pada tahun 2013, 2014 dan 2015 dilaksanakan dalam dwibahasa sehingga tahun 2015.

Rjm 101

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PADA : Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMEDHASHIM  
( BAYAN BARU )**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2010 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM ( BAYAN BARU ) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapakah peruntukan RMK-10 bagi pembinaan rumah-rumah kos rendah di Pulau Pinang khususnya di Georgetown dan kawasan sekitarnya.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Georgetown akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) (Rolling Plan Pertama). Walau bagaimanapun, Kerajaan telah bersetuju untuk pembinaan 250 unit projek PPR Disewa Mengkuang Tandop, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-10.

Kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan permohonan pembinaan perumahan kos rendah di kawasan Georgetown di bawah Program PPR sekiranya kerajaan negeri dapat mengenalpasti tapak yang bersesuaian di bawah *Rolling Plan* Kedua RMKe-10.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan Disember 2010

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>Y.B. DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN (PASIR SALAK)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>02.12.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [ PASIR SALAK ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan peranan sekolah dan institusi pengajian tinggi dalam hal ehwal kenegaraan dan rukun hidup rakyat berbilang kaum yang bersatu padu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada peringkat sekolah rendah dan menengah, hal ehwal kenegaraan dan rukun hidup rakyat berbilang kaum yang bersatu padu memang dibincangkan secara terperinci dalam tema dan tajuk kurikulum mata pelajaran Sejarah. Kandungan kurikulum yang berkaitan dengan aspek ini diberikan perhatian khusus iaitu bermula daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 dalam tema-tema seperti;

**Tingkatan 1**

Tema 1	Zaman Keagungan Kesultanan Melayu Melaka
Tema 2	Kesultanan Melayu Melaka Menjadi Asas Kerajaan Masa Kini

Tingkatan 2

Tema 1 Kemakmuran dan Kekayaan Kita Menarik British Untuk Menjajah  
Tindakbalas Masyarakat Tempatan Terhadap Penjajah British

Tema 2

Tingkatan 3 Perjuangan Rakyat Ke Arah Kemerdekaan Tanah Air Pembentukan

Tema 1 Persekutuan Malaysia

Tema 2

Tingkata Kemunculan Tamadun Awal Manusia

Perkembangan Di Eropah dan Kesannya Terhadap Ekonomi Negara

n 4 Tema

1 Tema 2 Kemunculan dan Perkembangan Nasionalisme Sehingga Perang Dunia  
Kedua

Tingkata Pembinaan Negara dan Bangsa Ke Arah Kemunculan  
Negara Malaysia Berdaulat

n 5 Tema Malaysia dan Kerjasama Masyarakat Antarabangsa

1 Tema 2

Tema 3



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN            LISAN**

**DARIPADA            YB Tuan Haji Che Uda bin Che Nik  
(Sik)**

**TARIKH                2 DISEMBER 2010**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan tentang penoreh getah di ladang-ladang FELCRA di seluruh negara dibayar gaji berasaskan jumlah hasil torehannya, mereka ini dibayar sekadar 50 sen sekilogram. Berapakah pendapatan golongan ini dalam masa sebulan dan apakah langkah Kerajaan untuk mempertingkatkan pendapatan golongan ini.

## **J A W A P A N:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, gaji penoreh getah yang dibayar di ladang-ladang FELCRA Berhad adalah berdasarkan kepada jumlah hasil torehan. Purata pendapatan sebulan golongan ini adalah di antara **RM575.81 hingga RM1,031.95** bergantung pada hasil torehan getah pada masa itu sama ada getah basah atau kering. Jumlah ini adalah termasuk bayaran insentif sebanyak **RM120.00** meliputi elaun kedatangan, pengeluaran, kenderaan dan mutu torehan.

Penoreh-penoreh getah ini merupakan pekerja FELCRA Berhad dan tidak layak untuk menerima dividen serta bantuan aktiviti ekonomi melainkan mereka diiktiraf sebagai peserta. Namun begitu mereka boleh mendapat pendapatan tambahan melalui kerja-kerja sampingan seperti meracun, membaja dan membersihkan kawasan ladang.



**SOALAN NO: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARI PADA**

**TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN**

**ONN [ALOR GAJAH]**

**TARIKH**

**2 DISEMBER 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN**

**menyatakan penjelasan terperinci tentang ucapan rasis yang didakwa pada surat yang dikeluarkan kepada 98.8 fm, stesen radio yang juga dikenali sebagai Star RFM Sdn. Bhd.**

**JAWAPAN:**

**/**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menerima beberapa aduan dari orang ramai bahawa program *The Morning Run* yang disiarkan di stesen radio 98.8FM yang dimiliki oleh Star RFM Sdn Bhd mengandungi perbincangan yang menyentuh isu-isu yang sensitif termasuk membangkitkan isu-isu yang boleh menjejaskan hubungan kaum di Malaysia.**



**SOALAN NO: 17**

Sebagai pemegang lesen individu pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan di bawah Akta Komunikasi & Multimedia 1998 (AKM 1998), stesen terbabit perlu mematuhi syarat khas lesen yang melarang pemegang lesen menyiarkan kandungan yang boleh menyinggung sentimen dan sensitiviti mana-mana kaum atau agama di negara ini.

Hasil penelitian rakaman-rakaman program yang diperoleh oleh SKMM, satu surat amaran telah dihantar kepada stesen radio 98.8 pada 18 Ogos 2010 di mana stesen tersebut telah dimaklumkan mengenai aduan-aduan yang diterima dan diminta untuk menilai semula program tersebut. Di samping itu, kertas siasatan SKMM terhadap perkara ini turut dikemukakan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya yang memutuskan agar tindakan mengkompaun diambil atas kesalahan melanggar syarat khas lesen yang disebut di atas. Untuk makluman, stesen radio tersebut telah dikenakan kompaun sebanyak RM10,000.

**NO. AUM : 14**

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN :</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>2 DISEMBER 2010</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>3134</b>

**SOALAN:**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berikutan kerajaan memansuhkan “ *Visa On Arrival*” kepada para pelancong asing baru-baru ini, bagaimanakah kesan ketibaan pelancong-pelancong asing ke pintu Imigresen seluruh negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.**

**Untuk makluman Yang Berhormat, kemudahan *Visa On Arrival* telah ditarikbalik bermula 16 Ogos 2010. Ini adalah berikutan dengan keputusan Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.**

**Kerajaan Malaysia telah memberikan alternatif kepada warganegara asing yang ingin memohon visa Malaysia melalui Visa Facilitation**

**Services (VFS) oleh syarikat *outsourcing* VFS Global Pvt. Ltd. yang telah bermula pada 1 Jun 2010 di Mumbai dan Hyderabad, India yang dibuat secara *Proof of Concept*. Kerajaan Malaysia juga dalam perancangan untuk memberikan kemudahan yang sama kepada warganegara Republik Rakyat China. Kemudahan ini mungkin akan dipanjangkan kepada tempat-tempat lain juga di masa akan datang.**

**Selain itu, Kerajaan Malaysia juga memberikan kemudahan i-Visa yang di India dan Republik Rakyat China. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini, masalah untuk mendapatkan visa Malaysia dapat dikurangkan walaupun kemudahan VOA tidak lagi diberikan kepada warganegara asing yang ingin memasuki Malaysia.**

**Penarikan balik kemudahan VOA merupakan tindakan deteren yang diperolehi melalui inisiatif Makmal Pengurusan Warga Asing di mana ramai warganegara asing yang diberikan kemudahan ini didapati menyalahgunakan kemudahan VOA dengan tinggal lebih masa di Malaysia. Statistik bagi kemasukan pelancong warganegara asing ke Malaysia adalah seperti di Maklumat Tambahan.**

NO. SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [ Padang Besar ]

TARIKH 2 Disember 2010 (Khamis)

SOALAN:

Dato' Seri Haji Azmi bin Khaiid [ Padang Besar ] meminta PERDANA MENTERI menyatakan benar atau tidak bahawa, dalam urusan bancian penduduk baru-baru ini, antara masalah yang dihadapi oleh petugas-petugas, adalah kepayahan sesetengah

## **SOALAN NO &CU**

orang muda, rakyat negara ini memahami soalan-soalan dalam Bahasa Malaysia, malah pihak petugas memerlukan jurubahasa untuk terjemahan ke bahasa ibunda.

### **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Band Penduduk dan Perumahan Malaysia kali yang kelima telah dilaksanakan pada 6 Julai - 22 Ogos 2010. Semasa bancian dilaksanakan, memang benar terdapat segelintir masyarakat warga negara kita kurang fasih berbahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, masalah ini dapat diatasi dengan kerjasama penduduk tempatan di kawasan terbabit.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi pembancian di kawasan Orang Asli kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah diperolehi. Manakala bagi kawasan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak, kerajaan negeri telah bekerjasama dengan penduduk tempatan bagi menjalankan bancian.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN :</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>2 DISEMBER 2010</b>

### **SOALAN:**

**TUAN JOHN A/L FERNANDEZ minta PERDANA MENTERI menyatakan**

- (a) apakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh**

**SOALAN NO &CU**

**Suruhanjaya Pilihan Raya bagi mengadakan Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor dan Sibu baru-baru ini; dan**

- (b) apakah jumlah perbelanjaan (peruntukan atau sumbangan) Kerajaan semasa tempoh berkempen di kedua-dua kawasan tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan untuk mengendalikan kedua-kedua Pilihan Raya Kecil Parlimen P.094 Hulu Selangor dan P.212 SibU, berdasarkan kepada peruntukan yang diberikan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), mengikut Bahagian Pilihan Raya yang terlibat, adalah seperti berikut:**

**P.094      Hulu Selangor RM 1,200,000.00**

**P.212      SibU                      RM 1,000,000.00**

**Manakala sejumlah RM 13.69 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk Pilihanraya Kecil Parlimen P.094 Hulu Selangor di bawah Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri bagi melaksanakan 102 program/projek di kawasan Parlimen berkenaan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM6.16 juta diperuntukkan bagi 42 projek fizikal, RM0.32 juta bagi 3 perbekalan barangan dan RM7.21 juta bagi sumbangan kepada 57 organisasi termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sekolah.**

**Untuk Pilihanraya Kecil Parlimen P.212 SibU pula, Kerajaan telah melaksanakan sebanyak 105 program/projek yang bernilai RM36.0 juta di**



**seluruh kawasan Parlimen tersebut. Perbelanjaan ini merangkumi RM17.0 juta bagi 65 projek fizikal dan RM19.0 juta bagi sumbangan kepada 40 organisasi yang terdiri daripada pelbagai NGO, sekolah dan tadika.**

**Sekian, terima kasih.**



PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISA  
N

DARI PADA :  
TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA  
(PARIT)

TARIKH 2 DISEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN

**Tuan Mohd Nizar Bin Zakaria** minta **MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan:

Apakah strategi Kerajaan di dalam mempertingkatkan hasil dan kualiti padi negara berbanding dengan Thailand yang jauh lebih maju dan berkualiti; dan mengapa beras import masih lebih popular berbanding beras tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Masyarakat beranggapan bahawa Thailand lebih maju dari Malaysia dalam industri penanaman padi dan pengeluaran beras kerana Thailand telah berupaya untuk mengeksport beras manakala Malaysia masih lagi merupakan pengimport beras dan Thailand mengeksport beras wangi yang berkualiti, sedangkan Malaysia mengimport beras wangi dari Thailand dan negara-negara lain.

Tanggapan tersebut boleh dijelaskan seperti berikut. Thailand berupaya mengeksport beras kerana kuantiti beras yang dihasilkan di negara berkenaan

adalah lebih besar dengan keluasan tanah bertanam padi yang luas dan bukannya kerana produktiviti yang lebih tinggi daripada Malaysia. Keluasan tanah bertanam padi Thailand adalah 9 juta hektar berbanding keluasan di Malaysia iaitu hanya sekitar 600,000 hektar. Purata hasil padi diperingkat nasional bagi Malaysia sekarang adalah 3.9 tan per hektar, berbanding hanya 2.9 tan per hektar oleh petani Thailand. Sekiranya Malaysia mempunyai keluasan sawah yang luas seperti di Thailand, maka Malaysia sudah semestinya akan berupaya untuk mengeksport beras, sama seperti Thailand. Ini bermakna pengeluaran padi di Malaysia adalah lebih cekap dan tinggi berbanding Thailand.

Kerajaan juga akan terus menambahbaik infrastruktur seperti sistem pengairan di kawasan padi sekarang terutamanya dijelapang-jelapang utama. Dengan kemudahan ini, tahap intensiti tanaman dapat dipertingkatkan dan secara tidak langsung akan meningkatkan tahap pengeluaran padi negara.

Bantuan input juga akan terus diberikan oleh Kerajaan sama ada dalam bentuk subsidi atau input-input lain bagi mengurangkan kos yang ditanggung petani dan menjadikan penanaman padi lebih menguntungkan.

Kenyataan bahawa beras import lebih popular adalah tidak tepat. Pada masa ini, pengeluaran beras negara dapat menampung kira-kira 70 peratus daripada keperluan beras negara. Baki 30 peratus keperluan tersebut baru diimport contohnya beras putih 5% hancur dan beras import berkualiti tinggi termasuk beras wangi Thailand dan Basmati yang lebih popular dikalangan orang yang berkemampuan.

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN GWO-BURNE LOH [ KELANA  
JAYA ]**

**NO. AUM : 15**

**TARIKH**

**2 DISEMBER 2010**

**NO. AUP : nAs**

**RUJUKAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**3135**

**SOALAN:**

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan prosedur dan dasar terperinci polis mensyaki, menahan, memeriksa dan menangkap suspek berjalan kaki, motosikal dan kereta dengan kekerasan dan tanpa kekerasan.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi prosedur menjalankan tangkapan, pematuhan proses tangkapan adalah sepertimana diperuntukkan dalam Seksyen 15 Kanun Tatacara Jenayah iaitu:-**

- i) Apabila pegawai polis atau orang lain hendak menangkap orang, ia hendaklah menyentuh atau mengurung badan orang yang hendak ditangkap itu, melainkan jika ia menyerahkan dirinya melalui percakapan ataupun tingkah lakunya.**
- ii) Jika orang yang hendak ditangkap itu melawan dengan kekerasan atau cuba lari daripada tangkapan itu, maka pegawai itu atau orang lain itu boleh menggunakan sebarang langkah yang perlu untuk melaksanakan tangkapan itu.**
- iii) Seksyen ini tidak sekali-kali memberi hak untuk menyebabkan kematian pada seseorang yang tidak dituduh berkenaan dengan kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran menangkap mana- mana orang yang terlibat dalam sebarang kesalahan yang dilakukan dimana- mana jua dalam Malaysia yang mana ia adalah kesalahan boleh ditangkap di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa dalam bahagian Malaysia itu dalam mana ia telah dilakukan atau terhadap sesuatu aduan yang munasabah yang dibuat, atau maklumat yang boleh dipercayai telah diterima atau wujudnya syak yang munasabah dimana orang itu telah terlibat.**





**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN JAWAB LISAN IR. HAJI HAMIM  
DARIPADA BIN SAMURI 2 DISEMBER  
TARIKH 2010 (KHAMIS) NO. 23  
SOALAN**

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah benar tanggapan ramai bahawa mutu Diploma Politeknik lebih rendah jika dibandingkan dengan Diploma dari UiTM/UTM, di mana lepasan Diploma Politeknik selain UiTM dan UTM sukar untuk melanjutkan pelajar ke IPTA.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua program diploma yang matang di politeknik telah disahkan kualitinya kerana mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Sistem kemasukan ke IPTA adalah berdasarkan meritokrasi yang memberi peluang yang sama kepada semua pelajar sama ada lepasan Sijil Tinggi Pelajaran, Matrikulasi dan pemegang diploma. Namun begitu, lepasan politeknik mempunyai peluang yang lebih besar untuk kemasukan ke IPTA di bawah *Malaysian Technical*

***University Network (MTUN)*** yang menawarkan program ijazah teknikal yang bersesuaian dengan program diploma politeknik.

**PERTANYAAN : LISAN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA**                      **TUAN GOBIND SINGH DEO**  
   **[PUCHONG]**

**TARIKH**                        **2 NOVEMBER 2010**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada ataupun tidak Kerajaan berhasrat meminda umur untuk mengundi dari 21 ke 18 dan menjadikannya mandatori untuk semua rakyat mendaftar dan mengundi dalam pilihanraya. Sekiranya tidak, kenapa.**

**JAWAPAN**

**YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berpendapat umur matang bagi seseorang warganegara Malaysia adalah 21 tahun. Rakyat Malaysia yang di bawah umur tersebut adalah ditakrifkan sebagai remaja yang kebanyakannya masih lagi di alam persekolahan. Justeru, Kerajaan telah menentukan, kelayakan umur mengundi bagi seseorang warganegara Malaysia adalah apabila dia mencapai umur 21 tahun. Ini berdasarkan kepada Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan seseorang warganegara berumur 21 tahun dan ke atas, menetap di mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih, layak untuk mendaftar sebagai pemilih.

Tindakan menjadikannya mandatori pula akan bertentangan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan hak kebebasan diri dan juga bercanggah dengan sistem demokrasi yang diamalkan oleh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN JAWAB LISAN**

**DARI PADA**

**DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**TARIKH**

**2 DISEMBER 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta MENTERI PENERANGAN,  
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:**

- (a) setakat ini apakah pencapaian Kerajaan dalam program komputer 1Malaysia bagi pakej jalur lebar; dan**
- (b) bagaimanakah keberkesanannya pakej tersebut bagi kawasan luar bandar yang tidak mempunyai talian telefon dan mempunyai masalah dengan WiFi iaitu jauh daripada pusat AP.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- a) Pemberian Komputer 1 Malaysia sebanyak 1 juta unit sedang dilaksanakan di seluruh negara dengan 123,000 unit telah diperuntukkan bagi Fasa 1 (sehingga pertengahan Oktober 2010). Sehingga kini sebanyak 96,424 unit telah diagihkan di seluruh negara.**



## SOALAN NO: 25

Pemberian Komputer 1 Malaysia adalah dipakej bersama langganan jalur lebar. Bagi Fasa 1, pemberian komputer diagihkan kepada pelajar-pelajar sekolah yang tinggal berdekatan dengan Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK). Oleh itu, akses jalur lebar yang ditawarkan adalah melalui wifi yang disediakan di sekitar PJK. Walau bagaimanapun, penerima komputer juga dibenarkan melanggan pakej jalur lebar komersial yang disediakan oleh mana- mana pemberi perkhidmatan jalur lebar di kediaman masing- masing.

Bagi fasa seterusnya, pemberian komputer ini akan disertakan dengan pembinaan rangkaian jalur lebar di sekitar kawasan kediaman penerima di 400 kawasan yang telah dikenal pasti di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>2 DISEMBER 2010 ( KHAMIS )</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI</b> minta <b>PERDANA MENTERI</b> menyatakan sejauh manakah keberkesanan dan pencapaian Pelan Integrasi Nasional.

**JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)**

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) melalui perkongsian bijak dengan agensi-agensi kerajaan yang lain telah mengutarakan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Lima Tahun (2006-2010) sebagai rangka strategik jangka panjang yang menyeluruh sebagai panduan untuk memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat Malaysia yang majmuk. Dalam konteks ini, "Integrasi" ditakrifkan sebagai kesepaduan (cohesiveness) antara wilayah, khasnya antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, manakala "perpaduan" adalah merujuk kepada kesepaduan antara kumpulan etnik, budaya dan agama.

Pelan tindakan ini mempunyai lima objektif utama iaitu:

- Memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dan patriotik serta megah sebagai rakyat Malaysia
- Mengurangkan segregasi kaum dan kerenggangan dalam perhubungan inter dan intra kaum dan wilayah
- Meningkatkan toleransi dan keharmonian antara kaum
- Meningkatkan integrasi antara semua negeri di Malaysia



- Menghadapi cabaran Wawasan 2020 untuk mewujudkan bangsa Malaysia

Pelan tindakan ini telah merangka 19 strategi yang merangkumi dari aspek politik, ekonomi, pendidikan, integrasi wilayah dan sebagainya, di mana setiap strategi mempunyai senarai program dan aktiviti yang tersendiri dan melibatkan pelbagai agensi. Antara aktiviti-aktiviti di bawah Program Integrasi yang dijalankan oleh JPNIN termasuklah Program Lawatan Integrasi, Kursus Orientasi Pegawai Persekutuan dari Semenanjung yang bertukar ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya, Titian Padu, Titian Integrasi IPT, Kem Integrasi, Lawatan Integrasi Pemimpin Masyarakat, Homestay, Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah, Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pendidikan tinggi

Keberkesanan program-program tersebut telah dinilai melalui dua kajian yang telah dijalankan oleh JPNIN bersama Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN). , iaitu Kajian Keberkesanan Program Lawatan Integrasi dan Kajian Keberkesanan Kursus Orientasi Bagi Pegawai-Pegawai Persekutuan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Di samping itu, bagi setiap program, borang soal selidik perlu diisi oleh para peserta program untuk memberi pandangan dan perasaan mereka terhadap program yang berkenaan. Hasil daripada analisis borang soal selidik yang diisi oleh peserta akan dapat membantu jabatan membuat penambahbaikan program. Adalah didapati bahawa kebanyakan program dapat memenuhi matlamat untuk meningkatkan kesefahaman dan kesepaduan di antara para peserta.

Selain daripada JPNIN, beberapa kementerian dan agensi kerajaan yang lain turut melaksanakan program-program yang menggalakkan intergrasi kerana melibatkan peserta-peserta dari kedua-dua wilayah misalnya Sukan Malaysia (SUKMA) oleh Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan-Sukan Sekolah (MSSM) oleh

Kementerian Pelajaran, Program Latihan Khidmat Negara oleh Kementerian Pertahanan dan Majlis Kebajikan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Integrasi juga digalakkan dan dimantapkan melalui penempatan penjawat-penjawat sektor awam dan swasta dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya.

Sememangnya, integrasi antara rakyat wilayah Semenanjung dan wilayah Sabah dan Sarawak telah diberi dorongan besar apabila AirAsia mengadakan perkhidmatan tambang kos rendah di antara dua wilayah, mulai Januari 2001, dan diikuti oleh Malaysia Airlines dua tahun kebelakangan ini. Kadar tambang murah yang ditawarkan memudahkan penduduk-penduduk di kedua-dua wilayah melawat di antara satu sama lain dengan lebih kerap. Ini telah meningkatkan interaksi, yang menyumbang terhadap perhubungan antara para penduduk di kedua-dua wilayah. Ianya telah juga menggalakkan perhubungan peribadi, persahabatan dan perkahwinan antara rakyat dua wilayah, di mana pasangan dan keluarga yang terlibat boleh menerima dan menyesuaikan diri dengan aspek-aspek sosio-budaya yang berbeza iaitu dari segi dialek, pantang-larang, agama, makanan dan adat resam dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, program dan proses integrasi yang berlangsung samada secara terancang atau tidak telah memberi impak yang positif kepada perpaduan negara dan integrasi nasional. Malah kerajaan telah pun menjadikan Hari Malaysia pada 16 September hari cuti awam yang sama-sama penting dengan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos. Ianya merupakan satu pengiktirafan ke atas peristiwa bersejarah sewaktu Negeri Sabah dan Sarawak bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu menubuhkan negara Malaysia.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]**

**TARIKH 2 Disember 2010 ( Khamis )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) Adakah pihak Kementerian (Jabatan Insolvensi) membuat kajian atau menubuhkan Jawatankuasa Khas Penyiasat mengenai individu- individu yang telah dibankrapkan oleh pihak Mahkamah sedangkan individu- individu ini tidak mendapat pembelaan yang adil; dan**
- (b) Berapa banyakkah aduan-aduan yang telah diterima oleh pihak Jabatan Insolvensi mengenai perkara ini dan apakah langkah- langkah yang telah dibuat oleh pihak jabatan untuk membantu menyelesaikan masalah ini.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) tidak menubuhkan Jawatankuasa Khas Penyiasat bagi tujuan menyiasat individu bankrap yang dikatakan tidak mendapat pembelaan yang adil kerana Akta Kebankrapan 1967 tidak membuat sebarang peruntukan bagi memberi kuasa sedemikian kepada Mdl. Seseorang itu akan hanya diisytihar sebagai seorang bankrap melalui satu perintah Mahkamah iaitu perintah penerimaan dan perintah penghukuman. Pihak Mdl akan hanya menjalankan fungsinya sebagai pentadbir hal ehwal bankrap setelah perintah tersebut dibuat dan tidak diberi kuasa oleh perundangan untuk mencabar kesahihan atau tidak perintah berkenaan. Jika mana-mana bankrap ingin mempertikaikan perintah kebangkrapan itu atas alasan tidak mendapat pembelaan yang adil mereka akan dinasihatkan untuk mencabar perintah tersebut di Mahkamah.**

**(b) Namun begitu pihak Mdl ada menerima aduan sedemikian semasa menjalan peranan pentadbiran hal ehwal kebangkrapan si bankrap. Sepanjang bulan Januari hingga Oktober 2010, Unit Aduan Mdl telah menerima sebanyak 318 aduan. Daripada jumlah ini, 30 aduan merujuk kepada ketidakpuasan hati individu kerana dibankrapkan. Berhubung dengan aduan-aduan ini, Mdl telah dan akan memberikan khidmat nasihat perundangan tentang prosedur kebangkrapan dan bagaimana mereka boleh keluar daripada status kebangkrapan tersebut sama ada secara mencabar perintah tersebut di Mahkamah, membuat permohonan pembatalan atau pelepasan**

melalui mahkamah sama ada secara sendiri atau dengan khidmat peguam sendiri. Jika kes tersebut ada melibatkan unsur jenayah mereka akan dinasihatkan untuk membuat laporan polis.

Pihak Mdl ada membuat kajian dan analisa berkenaan dengan sebab-sebab seseorang itu menjadi bankrap. Dari hasil analisa itu pihak Mdl telah merangka beberapa strategi bagi menentukan pentadbiran hal ehwal kebangkrapan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Mdl juga sentiasa menjalankan program berbentuk kesedaran melalui jalinan kerjasama bersama pihak media dalam meningkatkan pengetahuan orang awam secara amnya mengenai fungsi Mdl, hak dan sekatan dalam kebangkrapan.

**Sekian. Terima kasih.**

**NO. SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN LISA  
TUAN N  
WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ] 2  
DISEMBER 2010**

**DARIPADA** Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ] minta **PERDANA**  
**TARIKH** **MENTERI**  
**SOALAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki perbezaan yang amat ketara bayaran gaji dan elaun bagi pegawai negeri kakitangan awam dalam perjanjian CUEPACS yang berkuat kuasa pada tahun 2007 menyebabkan pegawai rendah dibayar lebih tinggi daripada pegawai atasan menyebabkan kegusaran, ketidakpuasan hati dan pengurangan efisiensi

**NO. SOALAN: 28**

**perkhidmatan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN**

**YB. DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Struktur saraan sektor awam sedia ada sentiasa memastikan bahawa gred yang lebih tinggi akan mendapat ganjaran yang lebih berbanding gred yang lebih rendah. Ini adalah kerana penetapan struktur saraan dan syarat-syarat perkhidmatan adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip saraan yang boleh berfungsi secara strategik dan fleksibel seperti berikut:

- a) Kadar Upahan untuk Kerja;
- b) Kelayakan Masuk dan Latihan;
- c) Gaji Pokok dengan Komponen Berubah;
- d) Perbandingan Adil;
- e) Relativiti dan Pariti; dan
- f) Pengasingan.

Pada tahun 2007, Kerajaan telah melaksanakan pemberian kenaikan gaji kepada penjawat awam dengan kadar kenaikan di antara 7.5% hingga 35%. Kumpulan Sokongan menikmati kadar kenaikan yang paling tinggi iaitu sebanyak 25% dan 35%. Pemberian peratusan yang tinggi ini adalah





**NO. SOALAN: 28**

**bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan tersebut. Walaupun peratusan kenaikan tinggi, ia tidak menjejaskan kedudukan relativiti dan kenaikan gaji tahunan di antara gred yang tinggi dengan gred yang lebih rendah.**

**Oleh yang demikian, tidak timbul soal pegawai yang berada di gred lebih rendah telah menerima saraan yang lebih baik daripada pegawai di gred yang lebih tinggi.**

**Sekian. Terima kasih.**

NO  
SOALA  
N :  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

25/29

PERTANYAAN

LISA  
N

DARIPADA

TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID  
BIN SYED JAAFAR ALBAR

TARIKH

2 DISEMBER 2010

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha FELDA bagi menentukan kemudahan riadah di setiap rancangan FELDA da pat diwujudkan supaya generasi muda dalam rancangan dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti sukan dan mengelakkan unsur negatif menular dalam perkampungan FELDA.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI  
MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi yang membangkitkan usaha FELDA mengadakan kemudahan riadah di setiap

rancangan supaya generasi baru dapat menambahkan masa lapang dengan kegiatan yang berfaedah dan mengelak daripada terjebak dalam gejala sosial. Sehubungan itu, FELDA menyedari tentang keperluan mengadakan kemudahan untuk beriadah yang seumpama ini dan sukacita dimaklumkan setakat ini FELDA telah pun membina 16 buah kompleks sukan di beberapa lokasi rancangan FELDA bagi kemudahan generasi baru mengadakan kegiatan riadah dan aktiviti sukan. FELDA telah membelanjakan RM36 juta untuk membina kompleks sukan ini yang boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti sukan. Sebuah kompleks sukan mengandungi 2 gelanggang futsal dan pada masa yang sama gelanggang ini boleh digunakan juga untuk sukan badminton, takraw, bola tampar dan acara-acara lain yang bersesuaian. Kompleks sukan ini mendapat sambutan luar biasa bukan sahaja dari kalangan generasi baru, malah turut mendapat sambutan dari pelbagai golongan termasuklah penerokawati. Masyarakat luar yang berhampiran kawasan FELDA turut berpeluang menggunakan kompleks ini untuk pertandingan sukan yang dianjurkan.

Di samping itu, terdapat juga gelanggang sukan terbuka yang sedang dibina oleh FELDA di tanah rancangan FELDA. Pada masa ini terdapat 20 buah gelanggang sukan sedang dibina di rancangan FELDA yang mempunyai

kepadatan penduduk yang tinggi. Gelanggang sukan terbuka ini lebih murah dan menjimatkan dari segi kos pembinaan dan penyelenggaraan seperti bekalan api, air dan seumpamanya. FELDA juga menaik taraf kemudahan yang lain di rancangan seperti padang awam, taman permainan, dewan orang ramai dan sebagainya. Setakat ini, FELDA telah menyiapkan sebanyak 36 buah dewan orang ramai dengan kos RM34 juta untuk kegiatan kemasyarakatan, perjumpaan, kebudayaan, kerohanian dan sebagainya. Di samping itu terdapat juga pihak swasta yang turut membantu mengadakan beberapa gelanggang sukan motocross yang diminati belia di tanah rancangan.

Dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti ini FELDA berharap generasi baru dapat bergiat dalam aktiviti sukan yang berfaedah di samping mengurangkan gejala sosial di tanah rancangan.

oooooooooooooooooooo

**NO. AUM :Z5'3?>**  
**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]  
**TARIKH** 2 DISEMBER 2010  
**RUJUKAN** 3138

**SOALAN:**

Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah siasatan terkini berkenaan kejadian di kawasan **Parlimen Petaling Jaya Selatan** iaitu:

(a) kejadian meletakkan kepala babi  
hutan di Masjid

Jumhuriyah di Taman Dato Harun dan Masjid Imam At-Tarmizi di Sri  
Sentosa; dan

(b) kejadian serangan bom petrol di tiga  
gereja iaitu Gereja

Assumption di Jalan Templer, Gereja Life Chapel di Seksyen  
17 dan

Gereja Good Shepherd Lutheran di Jalan Othman Petaling Jaya.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Bagi kejadian di Masjid Jumhuriyah, kes disiasat di bawah Seksyen 295 Kanun Keseksaan, iaitu membinasakan, merosakkan atau mencemarkan mana-mana tempat sembahyang. Bagi kejadian di Masjid Imam At-Tarmizi pula, kes telah disiasat di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan, iaitu menyebabkan di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci - membenci atau niat jahat, atau memudaratkan. Siasatan ke atas kes ini sedang dijalankan.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Bagi kejadian serangan bom petrol di tiga gereja pula, kes disiasat di bawah Seksyen 436 / 511 Kanun Keseksaan, iaitu cuba melakukan khianat dengan api atau benda letupan. Bagi kes di Gereja Assumption, Gereja Life Chapel dan Gereja Good Shepherd Lutheran, kes masih lagi disiasat oleh pihak polis.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI  
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN                      LISAN  
DARIPADA :                      DATO'HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.**

**MUTTALIB [MARAN]**

**TARIKH** 2 DISEMBER 2010

**SOALAN**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib** minta **MENTERI KESIHATAN**

menyatakan berapakan bilangan kes Demam Denggi termasuk yang direkodkan dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu serta kes tahun 2010. Apakah langkah- langkah positif pihak Kementerian dalam menangani wabak Denggi tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dari pemantauan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan, bagi lima (5) tahun terdahulu didapati bahawa terdapat peningkatan kes yang ketara pada tahun 2007 (48,846 kes), berbanding dengan tahun sebelumnya 2006 (38,556 kes) di mana peningkatan sebanyak 27% (10,290 kes). Pada tahun 2008, jumlah kes yang dilaporkan juga meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya tetapi hanya meningkat sebanyak 1% (489 kes). Pada tahun 2009, dengan pelaksanaan Plan Strategik Denggi Kebangsaan 2009 - 2013, Kementerian Kesihatan berjaya menurunkan kes Denggi sebanyak 16% (7,849 kes) berbanding dengan tahun 2008. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2010, jumlah kes yang dilaporkan dari bulan Januari hingga 20 November adalah sebanyak 42,914 kes, iaitu telah meningkat sebanyak 18% atau 6,400 kes berbanding dengan 36,514 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2009. Maklumat terperinci bilangan kes seperti didalam lampiran 1.

Berikutan dengan situasi peningkatan kes yang dilaporkan pada tahun ini, Kementerian Kesihatan terus melaksanakan pelbagai tindakan yang lebih proaktif bagi meningkatkan aktiviti kawalan dan memerangi denggi di seluruh Negara. Satu Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi telah diadakan pada 20 September 2010 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Hasil daripada mesyuarat jawatankuasa ini, tindakan berikut telah dilaksanakan iaitu:

- (i) Jawatankuasa Wabak Denggi Peringkat Daerah diaktifkan serta-merta bagi daerah yang mengalami wabak, di mana Pegawai Daerah mempengerusikan Mesyuarat



Jawatankuasa ini pada setiap minggu dengan melibatkan semua agensi, termasuk pertubuhan sukarela bagi mendapatkan penglibatan dan penyertaan optimum daripada semua pihak di peringkat tempatan.

- (ii) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua pihak yang bertanggungjawab termasuk individu perlu memastikan tempat-tempat di bawah tanggungjawab masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes. Kadar pembiakan aedes yang tinggi didapati di kawasan perumahan, taman rekreasi, tempat pembuangan sampah, kawasan *hot spot* denggi, tapak pembinaan dan parit yang tidak diselenggarakan.
- (iii) Kempen denggi perlu dipertingkatkan dan terus dipergiatkan dengan mesej demam denggi boleh membawa kematian kepada masyarakat. Agensi media termasuk Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dipohon membantu membetulkan salah tanggapan masyarakat bahawa mengawal denggi semata-mata adalah tanggungjawab Kerajaan sahaja.
- (iv) Mengenakan kompaun minima RM500 setiap kesalahan terhadap premis yang mempunyai pembiakan aedes dan mereka yang mengulangi kesalahan perlu dibawa ke mahkamah untuk hukuman yang lebih berat. Ini adalah tindakan tegas penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000).
- (v) Program *Communication for Behavioural Impact* (COMBI) perlu diperluaskan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan Kawasan Rukun Tetangga. Pihak Kementerian Kesihatan akan menyediakan

peruntukan secukupnya dan mempelbagaikan aktiviti COMBI agar ia dapat bertahan secara berterusan.

- (vi) Pengambilan khidmat Pembantu Kesihatan Awam (PKA) sambilan di PBT yang pada masa ini seramai 1,000 orang akan diteruskan.
- (vii) Maklumat berkaitan kes denggi perlu terus dimaklumkan kepada orang awam melalui media.
- (viii) Walaupun Kementerian Kesihatan menerajui pengawalan denggi, pihak PBT diminta mengambil inisiatif di kawasan bandar untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi, memandangkan 80% daripada kes denggi sebenarnya berlaku di kawasan bandar.

Selain daripada itu Kementerian Kesihatan juga sedang melaksanakan dua (2) projek penyelidikan bertaraf global di Malaysia iaitu penggunaan nyamuk transgenik dalam mengawal populasi nyamuk Aedes dan penggunaan vaksin denggi. Hasil kedua-dua projek penyelidikan dijangka membawa hasil menjelang tahun 2016.

**NO. AUM : j5€f3&**

**NO. AUP : 32\***

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN**

**TUAN ER TECK HWA [BAKRI]**

**DARIPADA**

**2 DISEMBER 2010**

**TARIKH**

**3139**

**SOALAN:  
RUJUKAN:**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa hanya perkataan 'muktamad' dicatat setelah permohonan kewarganegaraan May Tee Ling (no. daftar sijil kelahiran:SKN4053/96) ditolak tanpa memberikan sebarang sebab:-**

**(a) kenapakah rayuan tidak boleh dibuat dan permohonan baru hanya boleh dikemukakan setelah tempoh setahun permohonan pertama ditolak; dan**

**(b) senaraikan permohonan kewarganegaraan yang ditolak sejak tahun 2000.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bakri yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rayuan tidak dibenarkan bagi permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia yang telah ditolak selaras dengan Seksyen 2, Bahagian III, Jadual Kedua Perkara 31 Perlembagaan Persekutuan menyatakan :**

**” Sesuatu keputusan Kerajaan Persekutuan di bawah Bahagian III Perlembagaan ini tidaklah tertakluk kepada rayuan atau kajian semula di dalam mana-mana mahkamah”.**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi Kerajaan yang diberikan kepada orang asing. Setiap permohonan akan diteliti secara terperinci bagi memastikan hanya yang benar- benar layak sahaja dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia. Di samping itu, Kerajaan perlu memastikan bahawa pemohon-pemohon memberikan taat setia yang sepenuhnya kepada Negara. Oleh yang demikian, Kementerian menetapkan *Cooling-off period* selama satu**

tahun ke atas pemohon-pemohon kewarganegaraan Malaysia yang tidak berjaya sebelum mengemukakan permohonan baru bagi membolehkan pemohon-pemohon memperbaiki dan melengkapkan butiran yang menyokong permohonan baru dan JPN memerlukan masa untuk meniaai sumbangan baru dan kesetiaan pemohon.

Tuan Yang DiPertua,

Permohonan kewarganegaraan Malaysia yang ditolak dari tahun 1998 sehingga Julai 2010 ialah sebanyak 35,815.

NO. AUP : %%

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]

**TARIKH** 2 DISEMBER 2010

**RUJUKAN** 3140

**SOALAN:**

Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimanakah proses pengendalian permohonan dokumen perjalanan ke luar negeri kepada pemilik kad pengenalan merah boleh

## **NO. AUM**

**dipermudahkan khasnya kepada tujuan pembaharuan (*renewal*) tanpa melalui proses ulangan seperti seolah-olah satu permohonan baru yang menyulitkan pemohon kategori ini.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Tanjung Piai yang mengemukakan pertanyaan tersebut.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang MyPR (yang dahulunya dikenali kad pengenalan merah) adalah warganegara asing yang telah dikeluarkan dengan permit masuk. Sebagai warga asing golongan ini tidak layak untuk mendapatkan dokumen perjalanan (Pasport Malaysia Antarabangsa). Mereka perlu menggunakan dokumen perjalanan negara asal untuk melakukan perjalanan ke luar negara.**

**Namun demikian, bagi pemegang MyPR yang telah disahkan oleh pihak kedutaan negara asal masing-masing yang mereka bukan warganegara negara berkenaan, mereka boleh memohon Surat Akuan Pengenalan (SAP) daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Permohonan SAP boleh dikemukakan di semua Pejabat Imigresen Negeri dan berdasarkan piagam pelanggan jabatan tempoh memproses setiap permohonan baru adalah 30 hari manakala permohonan pembaharuan pula adalah tidak melebihi 7 hari.**

**DARIPADA**

**Y.B. DATUK ERIC**

**ENCHIN MAJIMBUN**

**[Sepanggar]**

**TARIKH**

**2 Disember 2010**

**SOALAN**

**Y.B. Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) minta PERDANA MENTERI**

**PERTANYAAN : LISAN**  
menyatakan apa : sebenarnya Kementerian telah melaksanakan untuk memastikan Pendatang Asing tanpa Izin (PATI) di Sabah dapat mencapai kadar sifar dan bentuk tindakan Kerajaan terhadap warga asing yang telah memperolehi Kad Pengenalan yang diragui.

**1**

**JAWAPAN**

Bagi tujuan memastikan pendatang tanpa izin (PATI) di Sabah mencapai kadar sifar kerajaan telah mengambil beberapa pendekatan. Antara pendekatan-pendekatan yang telah diambil ialah:

1. Ops Nyah I yang dilancar pada tahun 1991 secara berterusan bertujuan untuk menghalang kemasukan PATI ke negara ini dengan:
  - i. Mewujudkan pintu masuk secara rasmi di 126 kawasan; dan



ii. Mewujudkan kem/pos Jawatankuasa Perancang Gerakan (JPG) di Sabah sebanyak 49 buah dengan pecahan 17 buah kem/pos beroperasi di bawah bidang kuasa ATM manakala 32 buah kem/pos di bawah tanggungjawab PDRM.

2. Ops Nyah II dilancarkan pada tahun 1992 adalah untuk mengesan PATI yang berada dalam negara melalui operasi-operasi oleh agensi penguatkuasa seperti PDRM, PPKP S/L dan juga Imigresen dan sejak tahun 1990 sehingga Ogos 2010 kita telah berjaya mengusir seramai 335,196 PATI. Bagi tujuan memantapkan lagi tindakan pengesanan ini, Ops Bersepadu yang diterajui oleh kerajaan negeri telah dimulakan sejak tahun 2008. Kerajaan juga telah menambah bilangan Pusat Tahanan Sementara (PTS) dari 3 kepada 5 PTS pada 2009, dengan keupayaan menampung 10,000 orang PATI pada satu-satu masa.



**3. Masyarakat juga diminta untuk memberi bekerjasama dengan melaporkan kehadiran PATI di kawasan mereka kepada agensi penguatkuasaan seperti PDRM, Imgresen dan PPKP (S/L).**

**Sekian. Terima kasih.**



**PEMBERITAH**

PERTANYAAN U PERTANYAAN  
LISAN  
DEWAN RAKYAT  
DARI PADA Y.B. DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE  
(SETIAWANGSA)

**TARIKH** 02.12.2010

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [ SETIAWANGSA ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah piawai yang digunakan oleh Kerajaan untuk menentukan pengusaha kantin sekolah dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka secara berkesan dan tidak membebankan pelajar dan pihak sekolah, terutama di dalam membekalkan makanan bersih dan bebas daripada racun dan kuman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan pembekalan makanan bersih dan bebas dari racun dan kuman, Kementerian Pelajaran memastikan Program Bersepadu Sekolah Sihat dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dilaksanakan dan syarat- syarat dalam program tersebut dipatuhi. Disamping itu, dilaksanakan Program Kendiri Kantin Sekolah serta pemantauan berkala oleh pegawai Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran bersama pegawai kesihatan di Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Kesihatan Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN AARON AGO ANAK DAGANG  
(KANOWIT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.12.2010**

**Tuan Aaron Ago Anak Dagang(Kanowit) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah kutipan cukai, yuran lesen dan sebagainya dalam 5 tahun yang lalu daripada kegiatan judi, seperti kasino, loteri 4D dan lain-lain dan ke manakah wang itu disalurkan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat,**

- (a) Jumlah kutipan hasil perjudian dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu iaitu dari tahun 2005 hingga tahun 2009 adalah seperti berikut:**

<b>TAHUN</b>	<b>KUTIPAN HASIL</b>
<b>2005</b>	<b>RM 1,984,615,754.74</b>
<b>2006</b>	<b>RM 2,266,814,152.52</b>
<b>2007</b>	<b>RM 2,416,963,021.54</b>
<b>2008</b>	<b>RM 2,561,892,892.66</b>
<b>2009</b>	<b>RM 2,606,378,658.57</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 11,836,664,480.00</b>

- (b) Kutipan bayaran cukai, yuran lesen daripada sektor perjudian dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan digunakan sebagai sumber perbelanjaan mengurus dan pembangunan negara.

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :TUAN TAN TEE BENG  
(NIBONG TEBAL)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.12.2010**

**Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal) minta MENTERI  
KEWANGAN**

**menyatakan kedudukan sebenar dan terkini sama ada lesen judi sukan**

**telah diluluskan sepenuhnya kepada Syarikat Ascott Sports.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan dengan  
muktamadnya telah memutuskan supaya tiada sebarang lesen pertaruhan  
sukan diberikan kepada Ascot Sports Sdn Bhd.**